

PEMBANGUNAN ANAK PEREMPUAN

Islam sangat menekankan kewajiban berbakti kepada ibu bapa baik semasa mereka masih hidup atau setelah mereka meninggal dunia. Hubungan antara anak dan ibu bapa ini telah dirakamkan di dalam pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

1. *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selainNya dan hendaklah **berbuat baik (ihsan) kepada ibu bapa**. Jika salah seorang di antara mereka atau kedua-duanya sudah sampai usia tua dalam pemeliharaanmu, maka **janganlah sekali-kali kamu mengatakan kepada mereka perkataan "ah!" dan janganlah kamu membentak mereka, ucapkanlah perkataan yang baik-baik (qaulan kareema) kepada mereka. Dan berbaktilah (wakhfid) kepada kedua-duanya dengan penuh kasih sayang (min rahmah) dan ucapkanlah, "Wahai Tuhanku! Sayangilah kedua-dua ibu bapaku sebagaimana mereka mendidiku ketika kecil."** (Al-Isra' (17): 23-24)*

Asas kepada hubungan dan pergaulan anak dengan ibu bapa adalah rasa kasih sayang dan rasa hormat: *ihsan, qaulan kareema, min rahmah*.

2. *"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu pun. Dan **berbuat baiklah (ihsan) kepada kedua-dua orang tua**, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanga diri." (An-Nisa (4): 36)*

3. *"Dan Kami wajibkan kepada manusia agar (membuat) **kebaikan (husna) kepada kedua orang tuanya**. Dan jika kedua-duanya memaksamu untuk menyekutukan Aku dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai ilmu, maka janganlah engkau patuhi keduanya. Hanya kepadaKu tempat kembalimu, dan akan Aku beritahu kepada mu apa yang telah kamu lakukan." (Al-Ankabut (29): 8)*

Ketaatan kepada ibu bapa adalah pada perkara kebaikan yang tidak membawa kepada syirik atau melanggar syariatNya.

4. *"Dan kami perintahkan kepada **manusia (agar berbuat kebaikan) kepada kedua orang tuanya**. Ibunya mengandungkannya dalam keadaan lemah yang tersangat-sanagt dan menyusukannya ketika usia dua tahun. **Bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua orang tuamu**. Hanya kepada Aku kembalimu. Dan jika keduanya memaksamu untuk menyekutukan Aku dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai ilmu, maka janganlah engkau mentaati keduanya, tetapi*

layanlah (sahibhuma) keduanya di dunia dengan baik (ma'rufa), dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu. Hanya kepadaKu tempat kembalimu, maka akan Aku khabarkan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.” (Luqman (31): 14-15)

Tidak mentaati ibu bapa ketika di suruh menyekutukan Allah, tetapi masih melayani mereka dengan baik.

4. *“Diriwayatkan daripada Abdullah bin Masud r.a katanya: Saya telah bertanya kepada Nabi s.a.w: Amalan manakah yang paling disukai oleh Allah? Baginda s.a.w menjawab: Solat pada waktunya. Beliau bertanya lagi: Kemudian amalan manakah pula? Baginda menjawab: Kemudian berbakti (birr) kepada ibu bapa. Beliau bertanya lagi: Kemudian amalan manakah pula? Baginda menjawab: Berjihad di jalan Allah. Beliau berkata lagi: Baginda telah berbicara kepada saya tentang semua itu. Seandainya saya meminta Baginda menambah lagi, pasti Baginda menambah untuk saya.”*

Hadis diriwayatkan oleh Al-Bukhari.

Kepentingan berbakti kepada ibu bapa diletakkan selepas solat dan sebelum berjihad di jalan Allah.

5. *“Berbaktilah kepada orang tua kalian, nescaya anak-anak kalian berbakti kepada kalian. Jagalah kehormatan isteri orang lain, nescaya isteri kalian terjaga kehormatannya.”*

Diriwayatkan oleh At- Tabrani dengan sanad hasan dari Ibnu Umar r.a.

Berbakti kepada ibu bapa mendapat balasan sama daripada anak-anak.

Daripada beberapa petikan ayat al-Quran dan hadis di atas, didapati ada beberapa perkara yang boleh diambil sebagai asas perhubungan antara anak dan ibu bapa:

1. Perhubungan anak dan ibu bapa adalah berdasarkan kasih sayang dan rasa hormat yang membawa kepada kehendak untuk berbuat baik, berbakti, berkhidmat dan menggembarakan mereka dengan sebaiknya. Mereka yang berbakti kepada ibu bapa mendapat ganjaran di dunia dan di akhirat.
2. Memelihara perhubungan dengan ibu bapa adalah melalui pertuturan yang baik (*qaulan kareem, qaulan makruf*) dengan menjaga gaya bahasa, perkataan, nada, bahasa badan dan cara penyampaian supaya tidak menyakitkan hati ibu bapa.

3. Ketaatan anak kepada ibu bapa adalah pada perkara yang membawa kebaikan dan selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariat. Sekalipun menolak ajakan ibu bapa kepada perkara yang dilarang, namun mereka seharusnya berterusan disantuni dengan baik.

Semasa kedua ibu bapa masih hidup, anak-anak perlu memberikan perhatian kepada perkara berikut:

1. Berbuat baik dan berbakti kepada ibu bapa walaupun setelah mempunyai keluarga atau kerjaya sendiri. Anak-anak yang telah berumahtangga mempunyai kewajipan untuk terus menyantuni dan berbakti kepada ibu bapa. Ibu bapa mertua juga harus disantuni seperti ibu bapa sendiri.
2. Selalu menghubungi ibu bapa dan tidak membiarkan mereka berasa risau kerana tiada menerima khabar berita dan rasa kesunyian.
3. Bersyukur kepada ibu bapa dengan mendoakan kebaikan dan keampunan untuk mereka.
4. Tidak menyusahkan mereka dengan bebanan seperti menjaga cucu dan meminjam duit serta tidak menimbulkan pergaduhan sesama adik beradik yang lain dalam soal menjaga kebajikan ibu bapa.

Selepas kematian kedua ibu bapa pula, tanggungjawab sebagai anak masih perlu dilaksanakan.

1. Melangsaikan hutang-hutang yang wajib seperti nazar, puasa, haji dan hutang kewangan.
2. Menyambung silaturrahim dan berbuat baik kepada sahabat-sahabat ibu bapa.
3. Bersedekah atas nama mereka sebagai tanda bersyukur dan berbakti.
4. Menunaikan janji dan wasiat-wasiat ibu bapa yang telah pergi dengan baik jika selaras dengan syariat.
5. Sentiasa berdoa dan memohon keampunan untuk ibu bapa kerana doa anak yang soleh kepada ibu bapanya merupakan amalan yang tidak terputus.
6. Bersegera melakukan kebaikan amal soleh untuk membahagiakan almarhum.

PERANAN IBU BAPA MENDIDIK ANAK PEREMPUAN

Betapa pentingnya tugas sebagai anak untuk menjadi seorang yang berakhlak mulia, maka mendidik seorang anak perempuan adalah sangat utama kerana hanya daripada rahim seorang perempuan itu lahirnya anak lelaki dan perempuan, pewaris ummah.

Bagi masyarakat Muslim, akhlak mulia perlu diterapkan pada ibu bapa ketika mendidik anak perempuan, supaya peranan sebagai isteri dan ibu yang

membesarkan dan mendidik anak-anak dengan akhlak mulia boleh diterima, difahami dan dilaksanakan dengan baik oleh anak perempuan.

Pendidikan adalah proses berterusan dalam usaha menanam nilai, konsep dan pola-pola tingkah laku dalam diri anak didik. Nilai, konsep dan tingkah laku yang dibentuk dan dikukuhkan menjadi benteng kepada unsur yang tidak diingini dan menetapkan pendirian untuk menjadi insan Rabbani. Tugas mendidik akhlak mulia kepada anak perempuan berbalik semula keatas bahu ibu bapa.

Sebagaimana Allah telah berfirman dalam surah At-Tahrim ayat 6:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya adalah manusia dan batu, neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras dan kasar (layanannya) mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan kepada mereka, dan mereka pula tetap melaksanakan apa yang diperintahkan.”

Proses pendidikan ini berjalan secara tidak langsung dalam pergaulan seharian antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa mengajar secara lisan dengan menyebutkan nilai-nilai yang diterapkan dan menjadi qudwah dalam bentuk tingkah laku yang dipamerkan.

Ibu bapa boleh memanfaatkan situasi, peristiwa dan persekitaran untuk memahami nilai yang ingin diterapkan. Selain itu, anak-anak dibiasakan dengan amalan ibadah khusus, akhlak Islam dan muamalat Islam. Dalam proses pendidikan, gunakan kaedah dan teknik keibubapaan Islam yang berkesan dan mengikut perkembangan psikologi anak-anak.

Bagi anak perempuan, penekanan diberikan khusus pada aspek kewanitaan dan peranan besar wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara apabila wanita memahami peranan utama mereka sebagai anak, isteri dan ibu. Begitu juga memahami peranan yang perlu dimainkan dalam sudut yang lain seperti dakwah, sosial dan pembangunan ekonomi.

Islam menyentuh tentang beberapa kelebihan dalam mendidik anak perempuan.

1. Kelebihan yang Allah berikan kepada ibu bapa yang berjaya mendidik anak perempuan dengan baik.
 - a. *“Barangsiapa yang memiliki tiga anak perempuan lalu dia bersabar atas mereka, dan memberi makan mereka, memberi minum serta pakaian kepada mereka dari kecukupannya, maka mereka akan menjadi penghalang baginya dari api neraka pada Hari Kiamat.”*
(HR Ahmad dan Ibn Majah)
2. Anak perempuan sebagai individu yang menjadi modal insan atau ahli masyarakat yang mampu berperanan dalam masyarakat dalam pelbagai

- bidang untuk membina peradaban Islam dan dunia.
3. Anak perempuan sebagai bakal ibu untuk anak-anaknya dan generasi berikutnya. Mereka adalah bakal pendidik yang akan mendidik anak yang baik, soleh, cerdas, dan kuat maka diperlukan seorang ibu yang memiliki karakter yang baik, soleh, cerdas, dan kuat juga.
 4. Anak perempuan sebagai isteri untuk suaminya yang membina rumahtangga dan keluarga bersama-sama. Ilmu dan kemahiran yang betul berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan akan mewujudkan keluarga yang utuh.

Sifat-sifat pendidik yang sukses

Memang tidak ada manusia yang sempurna seperti Rasulullah SAW, namun ibu bapa harus berusaha memiliki sifat terpuji agar menjadi teladan kepada anak-anaknya. Semakin baik sifat-sifat ibu bapa menjadi pendidik, semakin meningkat keberkesannya dalam mendidik anak. Berikut adalah sifat-sifat yang perlu ada pada ibu bapa dalam mendidik anak-anak (Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid, 2004).

1. Penyabar dan tidak pemaarah. Dua sifat ini dicintai Allah SWT. Sifat sabar merupakan satu sifat yang cukup hebat sehinggakan Allah menyebutnya dalam Al-Quran dalam banyak tempat, tetapi yang paling hebat apabila Allah menyebut di dalam Surah Al-Baqarah ayat 153 yang maksudnya; *"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar"*
2. Lemah lembut dan menghindari kekerasan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW, *"Sesungguhnya Allah Maha Lembut dan menyukai kelembutan dalam segala urusan."* (HR. Bukhari Muslim).
3. Hati penuh rasa kasih sayang. Rasulullah bersabda : *"Sesungguhnya setiap pohon itu berbuah. Buah hati adalah anak, Allah tidak akan menyayangi orang yang tidak sayang kepada anaknya. Demi Dzat yang jiwaku ada di Tangan-Nya, tidak akan masuk surga kecuali orang yang bersifat penyayang."* (H.R. Muttafaq 'Alaih)
4. Tidak emosional. Dalam pendidikan, sifat pemaarah dan emosional harus dijauhi. Sifat ini menjadi faktor kegagalan dalam pendidikan anak.
5. Rasulullah bersabda : *"Orang kuat itu bukan karena kekuatannya dalam berkelahi, tetapi karena kemampuannya mengendalikan diri ketika sedang marah"* (H.R. Muttafaq 'Alaih)
6. Moderat dan Seimbang. Ekstrim dan berlebih-lebihan adalah sifat tercela Rasulullah bersabda : *"Wahai sekalian manusia! Ada diantara kalian yang menyebabkan orang lari (dari Islam), maka siapa saja yang jadi Imam, hendaklah mempersingkat shalatnya. Karena di belakang kalian ada orang tua, anak kecil dan orang yang punya keperluan."*
7. Pilih waktu sesuai dalam memberi nasihat. Seringkali banyak bicara tidak mendatangkan hasil. Sebab itulah Imam Abu Hanifah berkata pada para

muridnya “Janganlah kalian mengajarkan fiqih pada orang yang sudah tidak berminat!”

8. Memilih yang mudah antara dua perkara selagi tidak berdosa. “*Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu*”. (Al-Baqarah 185)
9. Fleksibel. Hadits diriwayatkan dari Abdullah bin Mas'ud radhiyallahu 'anhu. Pada suatu ketika Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bertanya kepada para sahabat, "*Maukah kalian aku tunjukkan orang yang haram baginya tersentuh api neraka?*"
Para sahabat kemudian menjawab, "*Mau, wahai Rasulullah!*"
Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, "*(Haram tersentuh api neraka orang yang) Hayyin(tenang), Layyin(sopan), Qarib(disenangi), Sahl(mudah).*"

Mendidik anak-anak perempuan mengikut fasa-fasa perkembangan fizikal, mental dan emosi adalah penting untuk mencapai objektif optimum fasa pembangunan tersebut. Jika tidak, terdapat kesan negatif yang mempengaruhi mereka pada peringkat dewasa dalam memenuhi peranan sebagai isteri dan ibu.

1. Fasa 0 hingga 7/8 tahun

Pada umur 0 hingga 4 hingga 5 tahun, tahap perkembangan anak-anak berlaku dengan pantas dalam 4 aspek berikut:

- i. perkembangan motor kasar
- ii. penglihatan dan perkembangan motor halus
- iii. pendengaran, perkembangan pertuturan dan bahasa
- iv. perkembangan emosi, sosial dan kognitif

Ibubapa perlu memberikan perhatian pada fasa ini dan memberikan stimulasi yang bersesuaian untuk membantu proses perkembangan anak-anak berlaku dengan lancar.

Anak-anak hendaklah diajar tentang nama-nama bahagian tubuh badan dengan istilah yang betul dan diberikan kefahaman tentang perbezaan jantina lelaki dan perempuan di sudut biologi dan sosial. Perkara ini penting kerana pada fasa ini juga anak-anak sedang membina *self concept* atau konsep diri, ‘siapa saya’ dengan mengetahui perkara asas tentang dirinya seperti nama, umur, dan jantina diri. Ibu bapa memperkenalkan siapa diri anak-anak dan mereka dibiasakan dengan kemahiran-kemahiran hidup selaras jantina (gender) sebagai contoh memakaikan pakaian yang sesuai untuk anak perempuan dan menjaga diri supaya selamat.

Pada peringkat umur ini, anak-anak diibaratkan seperti span yang menyedut pelbagai informasi dari persekitarannya. Mereka melakukan pemerhatian

kepada orang di sekelilingnya dan perkara-perkara yang berlaku di sekitarnya. Ibu bapa perlu memanfaatkan fasa ini untuk membentuk asas-asas iman, akhlak dan adab dalam diri anak. Ibubapa menanamkan neraca Islam dan nilai yang baik dalam diri anak-anak sehingga pada usia remaja dan dewasa, nilai-nilai ini tumbuh menjadi karakter dirinya.

Antara nilai Islam yang penting bagi anak perempuan adalah sifat malu yang benar (al-Haya') dan sifat menjaga kehormatan diri (Iffah). Kedua-dua sifat ini dididik dari kecil dan akan terlihat pada tingkah laku anak-anak apabila mereka meningkat remaja dan dewasa.

Al-Quran telah menjelaskan tentang sifat malu ini dengan menceritakan tentang salah seorang daripada dua puteri Nabi Syuaib a.s ketika dia datang memanggil Nabi Musa a.s:

"Kemudian datanglah kepada Musa salah seorang daripada kedua wanita itu berjalan malu-malu, ia berkata: Sesungguhnya bapaku memanggilmu agar dia memberi balasan terhadap (kebaikan) memberi minum (ternakan) kami." (Al-Qasas: 25)

Sifat malu yang benar akan mendorong anak-anak perempuan melakukan kebaikan, menjaga dirinya daripada perkara-perkara keburukan, menjaga tingkah laku dan pertuturannya.

Sifat iffah pula secara sederhananya bermaksud menjaga kehormatan diri dan bersopan santun. Ia berasal dari perkataan arab yang bermaksud menahan diri daripada sesuatu yang buruk dan tidak elok. Sifat iffah tercermin daripada sikapnya menutup aurat, caranya berbicara, caranya bergaul, adabnya ketika makan, minum dan sebagainya.

Pada fasa ini, anak-anak diperkenalkan dan dibiasakan dengan dua sifat ini. Setelah usia semakin meningkat remaja, pengukuhan kepada sifat ini perlu diteruskan lagi.

2. Fasa Remaja (awal, pertengahan, akhir) baligh 9/10 hingga 16 tahun

Pada fasa ini, perubahan utama bagi anak perempuan adalah mereka akan mencapai usia baligh dan datang haid. Kedua-dua perkara ini secara tidak langsung memberi kesan kepada emosi, fizikal, sosial dan kognitif anak-anak.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian pada fasa perkembangan ini:

- a. Aspek fisiologi haid dan hukum-hakam berkaitan.
 - i. Ibu bapa dianjurkan untuk berbincang dan bercerita tentang haid pertama kepada anak perempuannya seawal umur 9 tahun sebagai persediaan supaya tidak terkejut. Pada usia ini anak perempuan masih terbuka dengan ibu bapa dan mengambil pandangan daripada ibu bapanya. Haid sebagai tanda kedewasaan, maka anak perempuan telah dikira sebagai wanita baligh dan diambil pertanggungjawaban daripada perlakuannya.
 - ii. Secara biologi, kedatangan haid menunjukkan sistem reproduksi telah matang. Ibu bapa perlu menerangkan tentang kitaran haid dan hal berkaitan darah haid serta perubahan-perubahan fisiologi, fungsi organ reproduktif, perubahan emosi dan sosial pada fasa ini.
 - iii. Ibu bapa juga perlu mengajarkan anak tentang fiqh darah wanita. Dalam bab ini, dibincangkan tentang hukum hakam berkaitan jenis-jenis darah wanita, bab taharah, hukum terkait darah wanita seperti hukum membaca Al-quran, hukum solat, hukum berpuasa dan hukum berkaitan pernikahan.

- b. Aspek aurat dan perhiasan
 - i. Ibu bapa juga perlu mengambil perhatian bab aurat dan perhiasan kerana ia adalah sebahagian daripada fitrah seorang perempuan yang sukakan kecantikan. Bagaimana seharusnya fitrah ini diraikan dalam batas-batasnya.
 - ii. Ibumama juga memberikan didikan tentang kewajipan menutup aurat bagi perempuan dan memberikan kefahaman tentang konsep menutup aurat yang betul sebagai mana disebutkan dalam al-Quran 33:59 dan 24: 31. Termasuk di dalam bab ini adalah persoalan tabarruj, perhiasan-perhiasan yang dibenarkan dan larangan-larangan dalam berhias, aurat pandang dan aurat sentuh.
 - iii. Penanaman nilai menutup aurat dan berpakaian sopan ini hendaklah disemai sejak daripada kecil supaya mereka terbiasa setelah remaja dan dewasa.

- c. Aspek sosial
 - i. Pada fasa ini, nilai-nilai yang ditanamkan semasa usia kanak-kanak perlu ditekankan di sudut praktikal atau amalnya. Ibumama perlu lebih memberikan perhatian kepada anak-anak dalam aspek etika sosial atau pergaulan anak-anak kerana pada fasa ini mereka banyak bersama kawan-kawan dan di

antara sifat remaja adalah suka mencuba dan mahukan ruang peribadi mereka (ruang kebebasan).

- ii. Ibubapa perlu mendidik anak-anak berkaitan adab-adab dan hukum pergaulan dalam Islam (33:33). Hal ini termasuk adab pergaulan silang jantina, mengenali mahram dan bukan mahram, hukum dan syarat perempuan keluar rumah.
- iii. Pada usia ini juga, secara emosinya, anak-anak mula mempunyai keinginan atau perasaan kepada jantina berlainan atau sama jenis, oleh itu perlu diperincikan dan dijelaskan lebih terperinci perasaan-perasaan tersebut dan bagaimana mengurusnya dalam batas agama.
- iv. Antara perkara lain yang perlu ditanamkan adalah sifat malu kerana sifat malu ini adalah perhiasan wanita dan tanda keimanan bagi yang memilikinya.

“Malu dan iman itu adalah dua hal yang dikumpulkan jadi satu, maka apabila salah satunya diangkat (hilang), maka terangkat (hilang)pula yang lain.” (HR Ibn Abi Syaibah dan Al-Hakim)

Sifat malu yang benar adalah neraca yang mendorong seseorang untuk meninggalkan sesuatu yang buruk dan menegakkan kebenaran. Sifat malu adalah benteng bagi anak perempuan dalam menjaga dirinya daripada melakukan perkara terlarang.

- v. Anak- anak dididik untuk memilih teman yang benar dan dalam lingkungan yang baik kerana teman mempunyai pengaruh yang besar dan kehidupan pergaulan anak-anak. Ia perlu dimulakan dengan anak itu sendiri mempunyai keperibadian yang baik.

“ Seseorang itu (perangainya tergantung) perangai temannya, maka lihat-lihatlah ketika kalian memilih kawan.”
(HR. Al-Baihaqi dan Abu Daud)

- vi. Ibu bapa perlu memastikan anak tumbuh dalam *biah solehah*, suasana dan persekitaran yang baik sama ada dalam keluarga, persekitaran kejiranan mahupun tempat persekolahannya.
- vii. Pada zaman ini, ibu bapa perlu mengawasi penggunaan internet anak-anak. Ibu bapa perlu mewujudkan peraturan-peraturan yang bersesuaian dan mengawasi kandungan yang diakses oleh anak-anak. Jelaskan juga berkaitan *sexual*

grooming dan pornografi supaya anak-anak tidak terlibat dengannya.

d. Aspek mental

- i. Menjaga kehormatan diri (*iffah*). *Iffah* dalam bahasa Arab bermaksud menahan diri daripada sesuatu yang buruk dan tidak elok. Secara umumnya, *iffah* adalah menjaga kehormatan diri dan bersikap sopan santun. Sifat ini diterapkan dalam semua perhubungan dan tingkah laku anak-anak perempuan. Bagaimana anak-anak menutup aurat, menjaga bicaranya, menjaga pergaulannya, adab ketika makan, minum dan adab dengan orang yang lebih tua atau muda daripadanya dan sebagainya. Sifat *iffah* ini dianjurkan kepada semua wanita, bukan sahaja anak-anak perempuan. (*An-Nur: 60*)
- ii. Tidak dibiasakan hidup bermewah-mewah. Anak-anak perempuan perlu dibiasakan hidup secara sederhana walaupun ibu bapanya mungkin sahaja mampu memberikan kemewahan. Ini kerana kita tidak mahu anak-anak membesar dan obses untuk mengejar kemewahan, harta dan barang-barang berjenama yang menjadi gaya hidupnya. Kita perlu melihat kepada sirah Rasulullah s.a.w dalam menanamkan kesederhanaan dalam hidup puteri Baginda, Fatimah binti Muhammad.
- iii. Ibu bapa perlu melatih anak untuk bertanggungjawab kerana makna besar bagi kedewasaan adalah tanggungjawab. Waktu ini kita melihat secara praktiknya sifat amanah atas tanggungjawab yang diberikan pada mereka dan mulai memberikan tanggungjawab yang lebih besar untuk mereka melaksanakannya.

e. Aspek intelektual

- i. Ajarkan kemahiran-kemahiran (*soft skills*) yang berguna untuk masa depannya terutama yang terkait dengan tabiat wanita. Selain daripada untuk mengisi masa lapang sebagai hobi atau minat, ia juga boleh menjadi sumber pendapatan tambahan untuk membantu suami kelak. Dalam hal ini, kemahiran yang diajar perlu mengambil kira perubahan-perubahan zaman. Skil yang diajar adalah bersesuaian dengan keperluan zaman sebagai contoh kemahiran memandu kenderaan, kemahiran mengurus rumahtangga, kemahiran asas jahitan dan perkebunan, kemahiran penggunaan *software* dan sebagainya.
- ii. Ajarkan bahasa asing sebagai bahasa kedua selain bahasa utama kerana ia akan memudahkan komunikasi mereka di

masa depan. Pada zaman ini, penggunaan bahasa Inggeris secara melata memudahkan anak perempuan untuk ke hadapan dengan kemampuan bahasa yang pelbagai. Bahasa Arab juga boleh diterapkan kerana kita adalah seorang Muslim dan memahami Al-Quran adalah sebahagian daripada usaha kita untuk memahami Islam.

- iii. Ibubapa berusaha memilih sekolah yang Islamik yang memberikan pendidikan menyeluruh dalam aspek ilmu agama, penerapan akhlak dan juga ilmu semasa. Pemilihan sekolah yang baik akan mengukuhkan lagi pendidikan yang telah diterapkan di rumah. Nilai yang ditanam di rumah dan di sekolah tidak bertentangan dan akan mengukuhkan lagi nilai-nilai yang ditanam dalam diri anak-anak. Selain itu, sekolah yang Islamik juga menyediakan persekitaran yang baik (*biah solehah*) untuk penerapan nilai-nilai yang baik.

3. Fasa Hujung remaja dan awal dewasa 17 hingga 20 tahun (Pra-Nikah)

Pada fasa ini, ibu bapa mempersiapkan anak perempuan untuk menjadi bakal isteri dan ibu kerana kita memahami sebuah rumahtangga yang utuh itu akan menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang bahagia, damai dan sejahtera. Ibu bapa perlu memberikan pemahaman tentang kepentingan membina rumahtangga muslim (*baitul muslim*). Apabila telah sampai umur untuk bernikah, ibu bapa perlu memenuhi beberapa hak anak perempuan ke atas mereka iaitu, hak untuk mendapat pendidikan pra pernikahan, hak untuk dinikahkan dengan orang yang baik agamanya dan hak untuk tidak dipaksa bernikah dengan orang yang tidak disukainya.

“Wanita itu dinikahi kerana empat pertimbangan: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah wanita yang baik agamanya untuk dinikahi, maka engkau akan berbahagia.”
(HR. Bukhari)

Ibu bapa memberikan pendidikan pra pernikahan supaya anak perempuan memahami perkara berikut.

- i. Tujuan dan matlamat pernikahan dalam Islam
- ii. Adab dan pergaulan yang baik dengan suami (*husnul muasyarah*)
- iii. Perkara asas dalam Fiqh Munakahat dan Faraid
- iv. Kriteria calon:
 1. Memilih pasangan yang soleh

2. Memilih pasangan yang serasi dan sekufu
3. Saling kenal sebelum menikah (taaruf: saling mengenal) dan (nazhar: saling melihat)
4. Tidak memaksakan pernikahan

Mendidik dan membentuk generasi anak perempuan adalah usaha yang memerlukan pemerhatian yang serius dan sentiasa menuntut komitmen masa dan tenaga daripada ibu bapa, komuniti dan institusi pendidikan. Generasi keluarga yang baik dan sejahtera dapat dibina supaya menghasilkan negara yang memiliki rakyat yang maju dan membangun adalah juga bersumberkan modal insan wanita yang baik dan mulia.